

30 JAN 2003

MAHATHIR-HONDA/I

MAHATHIR MAHU HONDA TAMBAH PELABURAN DI MALAYSIA

ALOR GAJAH, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Honda, pengeluar kereta nombor satu Jepun menjadikan operasi pengeluarannya di Malaysia sebagai pengeluar komponen untuk kilang-kilangnya di luar negara.

Pelaburan tambahan dalam pengeluaran bahagian dan komponen serta penubuhan kemudahan latihan untuk mekanik Honda di Malaysia amat dialu-alukan, kata Perdana Menteri ketika merasmikan pembukaan kilang pengeluaran automobil ke-20 Honda di Taman Perindustrian Pegoh HICOM di sini hari ini.

Terletak di kawasan seluas 32 hektar, kilang baru itu dibahagikan kepada tiga zon, terdiri daripada kilang utama yang menempatkan aktiviti-aktiviti pemasangan automobil, kilang sambungan halaju malar (CVJ) dan pusat pemeriksaan sebelum penghantaran.

Kilang itu yang merupakan kilang pengeluaran automobil pertama Honda di dalam negara juga mempunyai trek ujiannya sendiri yang dibina berdasarkan kepada standard antarabangsa Honda.

Kilang itu mempunyai kapasiti pengeluaran permulaan 200,000 kenderaan setiap tahun dan dijangka menjadi kegiatan utama untuk Honda di pasaran Asean.

Memandangkan mutu produk yang memuaskan dan kepakaran mekanik di kilang baru yang bernilai RM170 juta itu, Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya untuk Honda meningkatkan pelaburannya dalam pengeluaran komponen di kilang berkenaan.

Kilang itu boleh mengeluarkan komponen seperti enjin kecil, motor sangkut dan motor untuk kereta-kereta Honda, kata beliau.

"Jika pelaburan tambahan itu bukan untuk keseluruhan pengeluaran (kereta), sekurang-kurangnya pelaburan itu ialah untuk sebahagian pengeluaran komponen di Malaysia," kata Dr Mahathir.

Sambil menegaskan yang beliau mahu melihat operasi pengeluaran Honda di Malaysia menjadi enjin pertumbuhan bagi eksport negara, Dr Mahathir berkata jenama Honda akan membantu dalam penjualan produk Honda buatan tempatan.

Pada masa ini, kilang Honda yang baru itu mengeluarkan aci pacu yang telah dieksport ke Thailand sejak November tahun lepas.

Dr Mahathir berkata beliau juga mahu melihat lebih banyak lagi pengeluaran sedemikian dan kemudiannya dieksport ke kilang-kilang Honda di Jepun, Belgium dan Amerika Syarikat.

Pada persidangan akhbar yang diadakan kemudian, Perdana Menteri berkata Honda telah bersetuju pada dasarnya untuk mewujudkan sebuah kemudahan latihan di Malaysia. -- BERNAMA

WNZ MAD SD AA